

05 AUG 1999

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE SARAWAK

MIRI, 5 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di bandar utara Sarawak ini untuk memulakan lawatan kerja dua hari, bertujuan antara lain meninjau usaha pembangunan dan berjumpa dengan rakyat.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di Lapangan Terbang Miri kira-kira pukul 10 pagi dan diberi sambutan mengikut tradisi pelbagai suku kaum negeri ini.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Penerangan Tan Sri Mohamed Khalil Yaakob.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongan disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, barisan Kabinet negeri, ketua jabatan kerajaan serta kira-kira 3,000 penduduk sekitar daerah ini.

Hadir sama di lapangan terbang ialah Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Timbalan-timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu dan Datuk Amar Dr George Chan, serta para pemimpin Barisan Nasional Sarawak.

Perdana Menteri kemudian menuju ke Hotel Rihga Royal yang terletak di kawasan peranginan pantai, untuk perjumpaan dengan Jawatankuasa BN negeri sebelum menghadiri majlis makan tengah hari bersama ketua-ketua kaum di sini.

Pada sebelah petang, beliau akan meneruskan aturcara yang sibuk dengan melakukan pembukaan rasmi Jambatan Tudan sepanjang 150 meter merintangi Sungai Miri, sebelum meninjau projek perumahan rumah kos rendah dan sederhana di kawasan perumahan Permyjaya.

Beliau kemudian dijadual merasmikan Bandar Baru Permyjaya seluas 120 hektar, kira-kira tujuh kilometer dari pusat bandar Miri.

Pada sebelah malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan malam dengan pemimpin parti komponen BN negeri sebelum menghadiri perjumpaan bersama rakyat di City Fan Miri, sebuah kawasan dataran lanskap di bandar ini.

Miri yang merupakan antara tiga bandar utama Sarawak masyhur kerana industri minyak dan pembalakan. Ia kini turut dimajukan sebagai bandar raya pelancongan, memandangkan lokasinya berhampiran Taman Negara Mulu dan Taman Negara Niah, serta negara jiran Brunei Darussalam.

Esok, Dr Mahathir akan menaiki helikopter ke Betong, sebuah daerah pedalaman di bahagian Sri Aman, untuk melawat Sekolah Menengah Teknik di situ sebelum menyertai umat Islam menunaikan fardu Jumaat di Masjid Jamek Betong.

Beliau juga akan menemui ketua-ketua masyarakat di Betong sebelum berlepas pulang ke ibu negara dari Sibul.

-- BERNAMA

JS MOK NMO